



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN MUZIUUM MALAYSIA

SIARAN MEDIA

120,000 PELAJAR SEKOLAH BAKAL MENDAPAT MANFAAT DARI KIT STEM YAYASAN MR. DIY DI MUZIUUM SELURUH NEGARA

KUALA LUMPUR, 4 Februari – Seramai 120,000 pelajar berusia dari 6 hingga 17 tahun di seluruh negara dijangka menerima manfaat daripada sumbangan set kit Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dari sumbangan Yayasan Mr. DIY kepada Jabatan Muzium Malaysia.

Majlis Penyerahan Kit Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara di Galeri 1, Jabatan Muzium Malaysia hari ini.

Sumbangan ini diberikan bagi menyokong pengisian pelbagai program pendidikan dan aktiviti komuniti anjuran JMM, di bawah Kementerian Perpaduan Negara, sepanjang tahun 2026. Langkah ini bertujuan menjadikan muzium sebagai destinasi pilihan untuk pembelajaran interaktif yang mampu memperkasa minat kanak-kanak dan pelajar kepada STEM.

Melalui agihan 120,000 unit kit ini, JMM dan Yayasan MR. DIY komited untuk merapatkan jurang literasi sains dalam kalangan masyarakat. Inisiatif ini membolehkan pengunjung muzium, khususnya pelajar, merasai pengalaman pembelajaran *hands-on* yang mencabar kreativiti di luar skop buku teks sekolah dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

"Hasil penajaan Yayasan MR DIY merupakan satu sumbangan yang amat signifikan terhadap ekosistem pendidikan negara. Inisiatif ini bukan sahaja menyokong usaha memperkukuh minat dan literasi STEM dalam kalangan generasi muda, malah turut memperluas akses pembelajaran kepada pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira latar

belakang kaum, sosio ekonomi dan geografi," menurut YBhg. Dato' Haslina.

Kesinambungan kolaboratif yang telah terjalin sejak tahun 2025 ini, menjadikan Yayasan M.R. DIY antara rakan strategik utama dalam menyokong aspirasi JMM. Antara program yang telah mendapat manfaat daripada sumbangan ini termasuklah **Program Nostalgia Anak Kampung, Bermalam di Muzium, Ceria@Muzium, Muzium Bersama Komuniti sempena Festival Hari Muzium Antarabangsa dan Sambutan Minggu Perpaduan.**

Melibatkan penyertaan 80 orang pelajar, aktiviti STEM yang dilaksanakan di Jabatan Muzium Malaysia hari ini membuktikan keberkesanan kerjasama strategik antara agensi. Inisiatif ini menyumbang kepada usaha memupuk minat masyarakat terhadap sains dan teknologi, di samping menyokong visi kerajaan dalam memperkukuh perpaduan nasional. Pihak Jabatan merakamkan penghargaan kepada Yayasan M.R. DIY atas sokongan padu mereka terhadap agenda pendidikan dan penglibatan komuniti ini.

Jabatan Muzium Malaysia
Kementerian Perpaduan Negara
4 Februari 2026
JMM.100-9/1/7 (24)